

Pensyarah kesukarelawan

Pengalaman diri digunakan Farah Najwa mendekati pelajar-pelajarnya

Serdang: Bergelar pensyarah sambilan muda bukanlah satu tugas mudah buat Farah Najwa Nabila Mohd Hatta, 26, untuk menyesuaikan diri bersama-sama pelajar yang tidak jauh berbeza umur dengan dirinya.

Namun, itu adalah antara cabaran yang digalas pelajar Sarjana Sains Nanobioteknologi Universiti Putra Malaysia (UPM), ketika berkongsi ilmu dan idea bersama-sama pelajar-pelajarnya yang adakala dianggap sebagai rakan sebaya.

Beliau yang mengajar untuk Kursus Bakti Siswa di UPM mengakui pada mulanya berdepan sedikit kesukaran untuk menarik minat golongan muda terhadap bidang kesukarelawan.

"Namun, saya dapat menanganinya dengan mendekati mereka secara positif, selain membantu mereka dalam melaksanakan program yang dianjurkan," katanya yang mengakui pembahagian masa sebagai pelajar dan pensyarah menjadi antara cabaran yang perlu dihadapinya.



Farah Najwa Nabila (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada Pengetua BRDB Rotary Children's Residence, Kalavathy Raman.

Mesra dengan panggilan Cik Farah dalam kalangan pelajar-pelajarnya, anak sulung daripada dua beradik itu juga sememangnya aktif dalam bidang kesukarelawan sebaik menjejakkan kaki sebagai pelajar UPM.

Beliau mengakui pembabitan aktif dirinya dalam bidang kesukarelawan disebabkan amalan suka memberi pertolongan kepada golongan memerlukan sudah diterapkan dalam keluarganya sejak kecil lagi.

"Setiap manfaat yang diperoleh oleh orang yang dibantu memberi-

kan kebahagiaan kepada diri ini. Saya juga berpegang kepada prinsip hidup bahawa kunci kebahagiaan hidup yang sebenar bukan diukur daripada kebendaan yang diperoleh, tetapi melalui sumbangan kita kepada masyarakat," katanya yang turut aktif menjadi fasilitator mewakili UPM.

Antara kenangan selaku sukarelawan yang tidak dapat dilupakan, Farah berkata, aktiviti kemanusiaan di Kemboja meninggalkan impak positif dalam dirinya kerana ketika itu, dia dan rakan bukan sahaja menyum-

bang barangan, malah ilmu pengetahuan seperti asas pertanian, pendidikan dan kesihatan kepada golongan miskin tegar di negara itu.

"Saya akui cinta pada bidang kesukarelawan ini dipupuk oleh dua orang yang sentiasa menjadi idola saya iaitu bekas pensyarah UPM, Allahyarham Prof Dr Jambari Ali dan Prof Madya Dr Mas Jaffri Masarudin.

"Mereka memperkenalkan saya kepada bidang kesukarelawan dengan definisi yang tersendiri," katanya.

PROFIL



FARAH NAJWA NABILA MOHD HATTA

- Tarikh lahir: 30 Oktober 1994
- Tempat lahir: Temerloh, Pahang
- Asal: Kluang, Johor
- Pengajian: Sarjana Sains Nanobioteknologi UPM
- Hobi: Membaca buku dan menulis jurnal
- Idola: Dr Nur Amalina Che Bakri
- Pencapaian:
 - > Top 5 Pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi (PIN) peringkat kebangsaan 2018
 - > Best Oral Presenter pada Pure and Applied Biology Colloquium (PABC) Asian Conference of Technology, Science and Innovation 2019 (ACOTSI 2019)
 - > Fasilitator 7th ASEAN +3 Junior Science Odyssey (APT JSO-7) anjuran Akademi Sains Malaysia